

JSG @ Free Market 2.0

Disediakan oleh: Ainnie Rahayu Abdullah, Nor Aimi Abdul Wahab & Suhaiza Hasan

Pada 2 & 3 Disember 2021, Jabatan Sains Gunaan telah turut sama mengambil bahagian dalam menjayakan program *Free Market 2.0* anjuran Akademi Pembangunan PKS & Keusahawanan Malaysia (MASMED). Program yang berlangsung di Laman Perdana, UiTM CPP selama dua hari ini dibuka kepada pengunjung bermula dari jam 10 pagi dan tamat pada jam 4 petang. Program ini berkonsepkan pemberian jualan barangan preloved atau baru kepada sesiapa sahaja yang memerlukan tanpa dikenakan sebarang bayaran. Barangan sumbangan terdiri daripada pakaian, permainan kanak kanak, tudung, aksesori peribadi dan bermacam-macam lagi. Program ini terbuka kepada semua warga UiTM CPP dan bertujuan utama untuk berkongsi rezeki kepada mereka yang memerlukan. Jutaan terima diucapkan kepada semua staf yang telah menyumbang barangan, wang ringgit dan tenaga bagi menjayakan aktiviti ini.

